

FRESHYLA PERTARUH SUARA

Oleh Nabihah Kamal
am@hmetro.com.my

Minat mendalam dalam bidang nyanyian sejak kecil mendorong gadis dari Sarawak ini untuk meneruskan kerjaya yang digemarinya itu.

Freshyla Ara Francis, 20, bersyukur dengan bakat yang dikurniakan kepadanya dalam bidang nyanyian.

Menurut gadis jelita ini, dia pernah menyertai beberapa pertandingan nyanyian di peringkat negeri sehingga memenangi tempat pertama.

"Memang cita-cita saya ingin menjadi seorang penyanyi namun masih tiada rezeki untuk saya mengembangkan bakat yang ada.

"Ibu bapa saya banyak

memberi dorongan untuk meneruskan usaha dalam bidang nyanyian," kata anak bongsu dari lima beradik ini.

Freshyla berkata, selain daripada bidang nyanyian, dia juga meminati bidang penyiaran dan bercita-cita untuk menjadi pengacara.

"Demi mendalami ilmu dalam bidang pengacaraan saya melanjutkan pelajaran dalam bidang komunikasi di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang.

"Saya juga menjadikan artis Zizan sebagai idola dalam bidang pengacaraan kerana dia mempunyai cara yang tersendiri," katanya.

Kata gadis berbintang Gemini ini, dia berharap impiannya akan tercapai suatu hari nanti kerana dia adalah harapan ibu bapanya.



METRO
BABE